

01 JAN 2003

Sukan-Berbasikal (LTdL)/I

WEGELIUS, ANDRUS SEDIA BUAT BEBERAPA KEJUTAN

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Bekas pelumba Mapei Quick-Step, Charly Wegelius, yang mencatat keputusan membanggakan dengan berada di tempat ke-14 keseluruhan tahun lepas, dan pelumba Estonia, Andrus Aug, akan menjadi harapan pasukan baru mereka De Nardi-Colpack, yang membuat penampilan sulung pada Jelajah Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi (LTdL) 2003 kali ini.

Wegelius, seorang pelumba bukit terkenal, membawa bersamanya banyak pengalaman untuk mengetuai cabaran pasukan Slovakia itu yang terdiri pelumba-pelumba daripada empat negara untuk kejohanan edisi kelapan ini yang bermula 31 Jan.

Pasukan divisyen dua itu, yang diketuai Antonio Bevilacqua, dibentuk berikutan percantuman antara pasukan De Nardi-Montegrappa dan Astro-Colpack.

De Nardi Montegrappa menduduki tempat ke-9 pada musim 2002, manakala Astro Colpack menamatkan kempen 2002 di tempat ke-19.

Selain mensasar kemenangan pada perlumbaan ke Genting, Wegelius, 25, juga mahu memenangi perlumbaan ujian masa.

Dengan kehadiran beberapa pelumba terbaik dunia, Wegelius berjaya meletakkan dirinya di tempat ke-8 pada perlumbaan di Putrajaya musim lepas.

Lagi kejayaan terbaiknya tahun lepas ialah tempat ketiga pada perlumbaan Peringkat Ke-4 Tour de Suisse.

"Selain Wegelius, De Nardi juga akan meletakkan sasaran memenangi beberapa peringkat melalui pelumba Estonia, Andrus Aug, yang telah melalui musim yang berjaya bersama De Nardi tahun lepas apabila mengambil tempat sebagai pemecut pasukan," kata penganjur dalam satu kenyataan, yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Walaupun menyertai sebagai pelumba pro pada usia yang agak lewat, 28 tahun, Aug setakat ini telah mengumpul 14 kejayaan, antaranya melalui perlumbaan bertaraf tinggi.

Kejayaan terbesar Aug tahun lepas termasuk memenangi perlumbaan peringkat pada Grand Premio Nobili Rubinetterie (ranking 1.3), Trophy Porec (1.5), Sprints Competition di Settimana Ciclista Lombarda (2.3), Tour of Poland (2.2), Peace Race (2.2), Course de la Solidarite Olympique (2.3), Tour of Slovakia (2.5) dan perlumbaan di Croatia, Jadranska Magistrala (2.5).

Sejumlah 22 pasukan dan 154 pelumba akan bertarung pada perlumbaan edisi kelapan ini yang meliputi jarak sejauh 1,343 km.

Jelajah ini bermula 31 Januari dengan perlumbaan ujian masa individu mengelilingi pulau sejauh 9.5km.

LTdL yang dinaungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diiktiraf oleh badan sukan lumba basikal dunia UCI, Persekutuan Berbasikal Asia dan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF).

-- BERNAMA

ZAS AZZ ZB